

17/10/2001

Tindakan tegas taska, tadika jadi tempat hasut

Wan Esuriyanti Wan Ahmad; Nadzim Ahmad Jamalludin
KUALA LUMPUR, Selasa - Kementerian Pendidikan akan mengambil tindakan tegas, termasuk menutup rangkaian institusi pendidikan Pas, terutama taska dan tadika, yang didapati menjadi tempat menanam perasaan benci di kalangan pelajar terhadap kerajaan.

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Aziz Shamsudin, berkata kementerian juga boleh menarik semula permit institusi berkenaan jika kegiatan menghasut itu terus disemaikan.

"Bagaimanapun, masalahnya kebanyakan mereka ini tidak mempunyai permit dan jika kementerian menutup institusi itu sekalipun, mereka tidak akan mematuhi arahan berkenaan," katanya kepada pemberita di Lobi Parlimen, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam yang mengatakan kerajaan akan mengawasi institusi pendidikan yang ditubuhkan Pas.

Dalam 'Rancangan Khas Bersama Perdana Menteri' yang disiarkan melalui RTM semalam, Dr Mahathir berkata institusi pendidikan itu, termasuk taska, tadika dan sekolah swasta menjadi tempat parti pembangkang membentuk pemikiran kanak-kanak supaya membenci kerajaan.

Aziz berkata, kerajaan sebelum ini tidak pernah mengambil tindakan menutup atau menarik balik permit institusi pendidikan itu kerana berharap pengusaha terbabit menyedari akan perbuatan salah mereka.

Pada masa yang sama, beliau berkata kementeriannya juga sedang berusaha menjadikan tadika sebagai pendidikan wajib dan ia akan hanya dikendalikan kerajaan.

Sehubungan itu, beliau berkata kementerian akan menyediakan premis, selain melatih guru yang berkelayakan.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan tetap akan memberi kelonggaran kepada pengusaha yang ingin menjalankan tadika swasta dengan mengeluarkan permit kepada mereka.

Sementara itu, Presiden Pas, Datuk Fadzil Nor, ketika ditemui pemberita menolak dakwaan yang mengaitkan taska dan tadika Pas mengamalkan aktiviti negatif sebagaimana yang digambarkan.

"Itu dakwaan kosong semata-mata. Orang Umno sendiri pun ada hantar ke taska Pas. Tidak ada perasaan negatif yang dididik kepada kanak-kanak ini kerana kita memberi pendidikan seperti biasa, termasuk membaca, menulis dan solat," katanya.

(END)